

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG  
[ KLUANG ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur – Singapura ('HSR') dan apakah pertimbangan Kerajaan dalam menentukan jajaran HSR mengikut koridor pantai barat KL – Seremban – Melaka – Muar – Batu Pahat – Nusajaya. Bilakah Kementerian akan mengumumkan 'feasibility studies' yang dikatakan sudah siap pada tahun 2013 kepada orang awam.

**JAWAPAN:      YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek keretapi berkelajuan tinggi (*High Speed Rail - HSR*) Malaysia - Singapura kini berada di peringkat akhir penentuan parameter yang melibatkan penstrukturran butiran terperinci projek, termasuk mengenal pasti jajaran dan lokasi stesen, kaedah-kaedah pelaksanaan serta perolehan bersama pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
2. Jajaran HSR di sepanjang koridor Selatan telah dikenalpasti berdasarkan jumlah penduduk setiap daerah, jumlah kos pembinaan dan unjuran penumpang yang baik. Selain itu, pertimbangan aspek sosial seperti penempatan semula dan aspek teknikal seperti taraf reka bentuk serta jenis tanah juga memainkan peranan.
3. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) kini sedang mengadakan perbincangan terperinci bersama Kerajaan Negeri-Negeri yang berkaitan bagi memuktamadkan lokasi stesen HSR di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti berdasarkan pelan-pelan pembangunan Negeri.

Sekian, terima kasih.